

D356

B B774 DEB
MAHATHIR - RAJIV & & &
DARIPADA RACHMAN NORODIN DAN LESLIE LIM

NEW DELHI, 31 JAN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI INDIA, ENCIK RAJIV GANDHI TERTARIK DENGAN PELBAGAI LANGKAH YANG DIBUAT OLEH MALAYSIA UNTUK MENGIMBANGI PERDAGANGAN DENGAN INDIA YANG KINI MENGUNTUNGKAN MALAYSIA.

DATUK SERI MAHATHIR BERKATA ENCIK GHANDI BAGAIMANAPUN TIDAK MENEKANKAN SANGAT SOAL ITU BERDASARKAN HAKIKAT INDIA MEMPUYAI 750 JUTA ORANG PENDUDUK BERBANDING 15 JUTA ORANG PENDUDUK MALAYSIA.

BAGAIMANAPUN KEDUA-DUA PERDANA MENTERI SEPENDAPAT BAHAWA KETIDAKSEIMBANGAN YANG KETARA ITU PERLU DIKURANGKAN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR KEPADA PEMBERITA MALAYSIA DI SINI MENGENAI RUNDINGANNYA DENGAN ENCIK GANDHI SELAMA DUA JAM SEMALAM.

PERDANA MENTERI YANG SEDANG MELAWAT INDIA SELAMA EMPAT HARI SEBELUM ITU BERUCAP DAN MENJAWAB SOALAN-SOALAN DARIPADA PARA PELAJAR MALAYSIA DI SINI, MADRAS DAN BEBERAPA BANDAR LAIN. -- LAGI
1927MST 31 01 87

B B777 DEB
MAHATHIR - RAJIV 2 NEW DELHI

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU JUGA MEMBERITAHU ENCIK GANDHI BAHAWA INDIA MEMPUYAI KEPAKARAN DALAM BIDANG-BIDANG TEKNOLOGI TERTENTU YANG BOLEN MEMBANTU USAHA-USAHA PEMBANGUNAN DI MALAYSIA.

BELIAU BERKATA PERBINCANGANNYA DENGAN ENCIK GANDHI JUGA MELIPUTI SOAL-SOAL ANTARABANGSA TERMASUK SURUHANJAYA SELATAN-SELATAN, TABUNG PERPADUAN AFRIKA DAN KAMPUCHEA.

ENCIK GHANDHI MENYOKONG PENUBUHAN SURUHANJAYA ITU DAN INDIA MENYUMBANG AS\$400,000 KEPADA TABUNG SURUHANJAYA.

MALAYSIA, SEBALIKNYA PULA, MENYATAKAN SOKONGAN DAN MENJANJIKAN BANTUAN KEPADA TABUNG PERPADUAN AFRIKA YANG KINI DIPENGERUSIKAN OLEH ENCIK GANDHI.

TABUNG ITU IALAH BAGI MEBANTU NEGARA-NEGARA AFRIKA YANG BERJIRAN DENGAN AFRIKA SELATAN MENGATASI KESULITAN EKORAN PELBAGAI SEKATAN YANG DIKENAKAN TERHADAP REJIM APARTHEID PRETORIA. -- LAGI
1936MST 31 01 87

B B780 DEB
MAHATHIR, - RAJIV 3 NEW DELHI

KETIKA MENJAWAB SATU SOALAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TIDAK BANYAK PERBEZAAN PENDAPAT ANTARANYA DENGAN ENCIK GANDHI MENGENAI ISU-ISU UTAMA KECUALI PERSEPSI YANG BERLAINAN MENGENAI KAMPUCHEA.

KATANYA, BEBERAPA PERUBAHAN SUASANA DIJANGKA BERLAKU PADA MASA AKAN DATANG BERHUBUNG DENGAN PERKARA ITU EKORAN LAWATAN PERWAKILAN INDIA KE VIETNAM SELEPAS ROMBAKAN PUCUK PIMPINAN NEGARA ITU BARU-BARU INI.

KETIKA DITANYA SAMA ADA SOAL PERTIKAIAN INDIA DENGAN PAKISTAN TIMBUL SEMASA PERBICANGANNYA DENGAN ENCIK GANDHI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU ADA MENIMBULKAN PERKARA ITU DAN MENYAMPAIKAN PERUTUSAN PRESIDEN PAKISTAN ZIA ULHAQ KEPADA ENCIK GANDHI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU ADA BERBINCANG MENGENAI PERKARA ITU DENGAN PRESIDENT ZIA SEMASA MENGHADIRI PERSIDANGAN KEMUNCAK KETUA-KETUA NEGARA ISLAM DI KUWAIT SEBELUM INI. -- BERNAMA
1942MST 31 01 87